

**MENGENAL PENGETAHUAN PELAJAR DIPLOMA AKAUNTANSI
POLITEKNIK SEBERANG PERAI TENTANG *TECHNICAL AND
VOCATIONAL EDUCATION TRAINING (TVET)***

10DAT13F1012	NOR AIDIL MASTURA BINTI ISMAIL
10DAT13F1054	NUR AZLIA BINTI IDRUS
10DAT13F1096	NUR ZAKIRAH BINTI MD OMAR @ MD NORDIN
10DAT13F1102	FATIN FAZLINA BINTI JANTAN
10DAT13F1141	NURUL SYAFIQAH BINTI MOHAMED SOFFI
10DAT13F1165	NOOR FARLIANA BINTI MOHAMAD ROZALI

DIPLOMA AKAUNTANSI

**JABATAN PERDAGANGAN
POLITEKNIK SEBERANG PERAI
DISEMBER 2015**

PENGHARGAAN

Dipanjatkan kesyukuran kepada Yang Maha Pencipta yang memberikan nikmat Islam dan Iman kepada kita semua. Begitu juga dengan rezeki yang dikurniakan dan kesihatan diri yang baik bagi meneruskan tugas sebagai khalifah Allah di muka bumi ini.

Alhamdulillah syukur kita terhadap Allah s.w.t kerana kami sekumpulan telah pun sempurna menyelesaikan penyelidikan ini dalam tempoh yang ditetapkan. Di kesempatan ini juga kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan bersyukur kehadiran Illahi dengan limpah kurnianya kami dapat menyiapkan kajian mengenai pengetahuan tentang TVET dalam kalangan Pelajar Diploma Akauntansi Politeknik Seberang Perai. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Puan Norwani Binti Harun kerana sudi menyelia kami dan memberi peluang serta tunjuk ajar kepada kami dalam menjalani penyelidikan ini. Beliau banyak membantu kami dalam memberikan cadangan dan pendapat yang bernas dalam menyelesaikan penyelidikan ini. Jutaan terima kasih juga diatas kerjasama yang diberikan kepada Dr. Nor Hasni Binti Haron kerana sudi memberikan tunjuk ajar yang amat memberangsangkan sepanjang kami menjalani penyelidikan ini. Segala tunjuk ajar yang diberikan amat dihargai dan akan dijadikan sebagai satu pengalaman serta panduan untuk digunakan pada masa hadapan.

Akhir sekali, kami mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada pihak-pihak yang terlibat diatas sumbangan yang diberikan, iaitu Pihak Politeknik Seberang Perai serta semua yang turut membantu, memberi tunjuk ajar, nasihat, sokongan dan dorongan yang diberikan. Tanpa tunjuk ajar daripada mereka kami mungkin tidak dapat menyiapkan laporan ini dengan sebaiknya. Sekian, wassalam.

ABSTRAK

Tajuk kajian ini dijalankan adalah untuk “Mengkaji Pengetahuan Pelajar Diploma Akauntansi Politeknik Seberang Perai tentang *Technical and Vocational Education Training* (TVET)”. Justeru itu, pengkaji akan mengkaji tentang objektif kajian iaitu dari segi peranan, kelebihan dan perkembangan TVET yang akan mempengaruhi tahap pengetahuan pelajar Diploma Akauntansi mengenai TVET. Kajian ini juga dilakukan untuk mendapatkan maklumat maklumbalas daripada responden mengenai pengetahuan pelajar Diploma Akauntansi terhadap objektif kajian. Responden kajian adalah terdiri daripada 100 orang responden yang mengetahui tentang TVET dan responden ini dipilih menggunakan persampelan *random*. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik di mana borang soal selidik ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Hasil dapatan kajian diproses menggunakan sistem SPSS (*Statistical Package for Social Science*). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor iaitu faktor peranan, faktor kelebihan dan faktor perkembangan mengenai TVET pada pelajar Diploma Akauntansi.

ABSTRACT

The title of this study is to review the knowledge student Diploma in Accountancy Polytechnic Seberang Perai about Technical and Vocational Education Training (TVET). Therefore, the researchers will examine the objectives of the study in terms of the role, advantages, and development of TVET that will affect the student knowledge about TVET in student Diploma in Accountancy. This study was also conducted to obtain feedback information from respondents on accounting student knowledge of the research objectives. The respondents consisted of 100 respondents know about TVET and respondents have been using random sampling. The instrument used was a questionnaire where the questionnaire is divided into two parts, Part A and Part B. The findings were processed using SPSS (Statistical Package for Social Science). Results showed that all three factors, namely the role, the advantages and the developments of TVET in accounting students.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK	II
PENGAKUAN	III
PENGHARGAAN	IV
ABSTRAK	V
ABSTRACT	VI
KANDUNGAN	VII – IX
SENARAI JADUAL	X
SENARAI RAJAH	XI

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Latar belakang Masalah	2
1.2	Penyataan Masalah	2 – 3
1.3	Objektif Kajian	3
1.4	Persoalan Kajian	4
1.5	Skop Kajian	4
1.6	Kepentingan Kajian	
1.6.1	Kepentingan kepada Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia	5
1.6.2	Kepentingan kepada Pihak Politeknik Seberang Perai	5
1.6.3	Kepentingan kepada Pihak Jawatankuasa Perwakilan Pelajar	5
1.6.4	Kepentingan kepada Pelajar Politeknik Seberang Perai	6
1.7	Definisi TVET	
1.7.1	Teknik	6
1.7.2	Teknikal	7
1.7.3	Vokasional	7
1.7.4	Pendidikan	7
1.8	Limitasi Kajian	

1.8.1	Masa	8
1.8.2	Kos	8
1.8.3	Skop Pelajar	8
BAB 2	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pengenalan	9
2.2	Peranan Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET)	10 – 11
2.3	Kelebihan Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET)	11 – 13
2.4	Perkembangan Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET)	14 – 16
2.5	Kesimpulan	16
BAB 3	METODOLOGI	
3.1	Pengenalan	17
3.2	Reka Bentuk Kajian	18
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	18
3.3.1	Data Primer	19
3.4	Populasi dan Sampel	
3.4.1	Populasi	19
3.4.2	Sampel	19 – 20
3.5	Instrumen Kajian	
3.5.1	Soal Selidik	20 – 21
3.6	Kaedah Penganalisan Data	22
3.6.1	Analisis SPSS	23
3.6.2	Analisis Kekerapan	23
3.6.3	Analisis Min	23 – 24
3.7	Kesimpulan	24
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	25
4.2	Analisis Kebolehpercayaan Data	26 – 27
4.3	Dapatan Kajian	
4.3.1	Bahagian A: Latar Belakang Responden	27
4.3.1.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	28

4.3.1.2	Taburan Responden Mengikut Bangsa	29 – 30
4.3.1.3	Taburan Responden Mengikut Umur	30 – 31
4.3.1.4	Taburan Responden Mengikut Semester	32 – 33
4.3.2	Bahagian B: Analisis Tentang Peranan Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional	33 – 40
4.4	Kesimpulan	41
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Ringkasan Kajian	42
5.2	Perbincangan	
5.2.1	Perbincangan Daripada Objektif Pertama	43
5.2.2	Perbincangan Daripada Objektif Kedua	44
5.2.3	Perbincangan Daripada Objektif Ketiga	45
5.3	Implikasi Kajian	46
5.4	Cadangan	47
5.4.1	Pihak Politeknik	47
5.4.1.1	Peranan	47
5.4.1.2	Kelebihan	47
5.4.1.3	Perkembangan	47
5.4.2	Pelajar	48
5.4.2.1	Peranan	48
5.4.2.2	Kelebihan	48
5.4.2.3	Perkembangan	48
5.4.3	Penyelidik Masa Depan	48
5.4.3.1	Peranan	48
5.4.3.2	Kelebihan	48
5.4.3.3	Perkembangan	48
5.5	Kesimpulan	49
	Bibliografi	50
	Lampiran A	51 – 54
	Lampiran B	55 – 64

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1	<i>Jadual Analisis Kebolehpercayaan Data</i>	26
Jadual 4.2	<i>Responden Mengikut Jantina</i>	28
Jadual 4.3	<i>Bangsa Responden</i>	29
Jadual 4.4	<i>Umur Responden</i>	30
Jadual 4.5	<i>Semester Responden</i>	32
Jadual 4.6	<i>Jadual Skala Min Skor</i>	34
Jadual 4.7	<i>Analisis Tentang Peranan Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional</i>	35
Jadual 4.8	<i>Analisis Tentang Kelebihan Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional</i>	37
Jadual 4.9	<i>Analisis Tentang Perkembangan Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional</i>	39

SENARAI CARTA

<i>Carta 4.1</i>	Taburan Responden Mengikut Jantina	28
<i>Carta 4.2</i>	Taburan Responden Mengikut Bangsa	29
<i>Carta 4.3</i>	Umur Responden	31
<i>Carta 4.4</i>	Semester Responden	32

BAB 1

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada era kini, perkembangan teknologi, ekonomi dan sosial yang berlaku amat pesat di Malaysia. Dalam masa yang sama, manusia mempunyai keinginan untuk mengembangkan kebolehan serta ilmu yang ada pada mereka secara berterusan agar dapat berfungsi secara maksimum yang mungkin dalam kehidupan seharian, pekerjaan dan pergaulan dalam masyarakat. Oleh sedemikian itu, pendidikan dan latihan juga boleh membantu individu untuk mempertingkatkan kehidupan mereka dengan melahirkan kemahiran dan ilmu untuk meningkatkan produktiviti dalam pekerjaan. Pelaburan dalam pendidikan dan latihan tidak dinafikan ia merupakan pelaburan untuk masa depan bagi melahirkan individu yang serba boleh.

TVET (*Technical and Vocational Education Training*) atau dikenali sebagai Pendidikan Teknik dan Vokasional merupakan satu sistem pendidikan diperkasa dalam Malaysia serta di perkenalkan kepada institusi-institusi di Malaysia yang menyediakan latihan khusus untuk kemahiran-kemahiran teknikal dan beberapa kemahiran yang lain.

1.2 PENYATAAN MASALAH

Kementerian Pendidikan menyasarkan peningkatan keseluruhan 650,000 pelajar dalam program Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) menjelang tahun 2025. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata ia selaras dengan Lonjakan Keempat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, PPPM (PT), untuk meningkatkan graduan TVET berkualiti. “Melalui peningkatan kapasiti TVET, kementerian menyasarkan 2.5 kali ganda peningkatan keseluruhan enrolmen TVET kepada 650,000 pelajar menjelang tahun 2025” (BERITA HARIAN 2015).

Deklarasi Kuala Lumpur yang dipersetujui 27 negara Asia Pasifik akan menjadi hala tuju kepada negara serantau merangka dasar dalam membangunkan Pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di rantau ini dan peringkat antarabangsa. Deklarasi yang diterima sebagai dokumen pertama Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mengenai bidang TVET itu diiktiraf ketika berlangsungnya Persidangan Asia Pasifik Mengenai Pendidikan dan Latihan (ACET) 2015 di ibu negara pada 3 hingga 5 Ogos lalu. Mengulas kejayaan itu, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Sektor Operasi Pendidikan Datuk Ahmad Tajudin Jab menyifatkan deklarasi yang terhasil daripada penganjuran ACET 2015 itu mengiktiraf Malaysia sebagai salah sebuah negara peneraju TVET di rantau Asia Pasifik (HARIAN METRO 2015).

Namun, apa yang menjadi tarikan pelbagai pihak adalah fokus utama yang diberikan untuk pembangunan holistik terutamanya terhadap aspek pembangunan kemahiran pekerja dari sudut teknikal dan vokasional. Melalui pelan RMK-11, sebanyak 1.5 juta pekerjaan baharu akan diwujudkan di mana 60 peratus daripadanya memerlukan kelayakan berkaitan Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Menurut pelan rancangan pembangunan negara bagi tempoh 2016 – 2020 yang dibentangkan, TVET akan menjadi platform penting bagi meningkatkan jumlah

tenaga kerja mahir dalam hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020. Pelbagai langkah telah dikemukakan oleh kerajaan untuk pembangunan serta pengukuhan aspek teknik dan vokasional ini (UTUSAN 2015).

Berdasarkan isu-isu ini, terbukti bahawa TVET sangat penting dan sangat digalakkan di Malaysia. Pihak kementerian juga telah menyatakan bahawa TVET merupakan faktor yang penting menjelang 2020. Oleh itu, para pengkaji telah membuat keputusan untuk mengkaji tentang pengetahuan pelajar PSP tentang TVET dari aspek institusi-institusi yang menawarkan TVET, kelebihan TVET dan perkembangan TVET di Malaysia.

Berkaitan dengan isu-isu ini, para pengkaji berpendapat bahawa pelajar sendiri tidak mengetahui tentang TVET meskipun pelajar itu sedang belajar di institusi yang sedang menawarkan TVET. Oleh itu, para pengkaji telah bersetuju untuk membuat kajian tentang pengetahuan pelajar PSP tentang TVET.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

- 1.3.1** Mengkaji pengetahuan pelajar tentang peranan Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET).
- 1.3.2** Mengkaji pengetahuan pelajar tentang kelebihan Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET).
- 1.3.3** Mengkaji pengetahuan pelajar tentang perkembangan Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) di Malaysia.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1.4.1 Adakah pelajar mengetahui tentang peranan Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET)?

1.4.2 Adakah pelajar mengetahui tentang kelebihan Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET)?

1.4.3 Adakah pelajar mengetahui tentang perkembangan Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) di Malaysia?

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini adalah tertumpu kepada 100 orang responden terdiri daripada pelajar Akauntansi Politeknik Seberang Perai iaitu daripada Jabatan Perdagangan. Hal ini demikian untuk mengkaji sejauh mana para pelajar tahu mengenai TVET.

Pengumpulan data dijalankan kepada para pelajar Jabatan Perdagangan khusus kepada program Akauntansi. Kajian yang dijalankan adalah difokuskan kepada institusi, perkembangan dan lain-lain sebagai punca mengapa TVET ini menarik minat untuk mengkaji dengan lebih teliti.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

1.6.1 Kepentingan Kepada Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia

Kajian ini dapat memberikan maklumat kepada Kementerian Pelajaran mengenai tahap pengetahuan TVET di kalangan pelajar Politeknik Pulau Pinang. Disamping itu, kajian ini dapat membantu pihak kementerian sama ada program TVET yang dijalankan ini perlu diwar-warkan lagi ataupun tidak perlu diwar-warkan. Selain itu, kajian ini dapat membantu pihak kementerian meningkatkan tahap pengetahuan pelajar mengenai TVET ke tahap yang lebih meluas.

1.6.2 Kepentingan kepada Pihak Politeknik Seberang Perai

Kajian ini dilakukan untuk mengetahui tahap pengetahuan TVET pelajar Politeknik Seberang Perai. Seiring dengan itu, kajian ini dapat membantu pelajar meningkatkan kefahaman tentang TVET. TVET ini sudah berkembang sekian lama tetapi ramai yang tidak mengetahui tentang TVET. Dengan adanya kajian ini dapat membantu pelajar dalam mengetahui lebih mendalam mengenai TVET dan kebaikan kepada setiap pelajar.

1.6.3 Kepentingan kepada Pihak Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP)

Kajian ini dapat memberikan sedikit sebanyak maklumat kepada pihak Jawatankuasa Perwakilan pelajar mengenai pengetahuan TVET dalam kalangan pelajar Politeknik Seberang Perai. Selain itu, kajian ini dapat menjadi bahan rujukan tambahan kepada bakal-bakal penyelidik baru sekiranya ingin membuat kajian

mengenai TVET. Dengan ini, data yang digunakan oleh penyelidik boleh dijadikan sebagai data sekunder.

1.6.4 Kepentingan kepada Pelajar Politeknik Seberang Perai

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengetahui pengetahuan pelajar Politeknik Seberang Perai khususnya pelajar dalam bidang Diploma Akauntansi mengenai TVET. Seiring dengan itu, hasil dan cadangan kajian ini akan menambahkan pengetahuan kemahiran kepada pelajar Politeknik terutamanya pelajar Diploma Akauntansi mengenai TVET.

Kajian ini juga memberikan pendedahan yang meluas kepada pelajar Diploma Akauntansi tentang TVET. Selain itu, hasil kajian ini dapat membantu pengkaji untuk meningkatkan pengetahuan TVET di kalangan pelajar Diploma Akauntansi Politeknik Seberang Perai.

1.7 DEFINISI TVET

Definisi TVET ini bertujuan untuk menjelaskan tajuk kajian dan memberi maksud pada setiap perkataan TVET. Perkataan teknik atau *techic* berasal dari perkataan Greek 'technical' yang bermaksud untuk belajar atau prinsip-prinsip teknologi.

1.7.1 Teknik

“Pengetahuan yang berkaitan dengan pembuatan barangan hasil industri atau kaedah mencipta sesuatu hasil seni” (Dewan Bahasa, 1993)

1.7.2 Teknikal

“Pelaksanaan sesuatu kerja atau berkaitan dengan sesuatu bidang pengetahuan yang tertentu” (Dewan Bahasa, 1993)

1.7.3 Vokasional

“Pendidikan dan latihan yang akan menyediakan individu untuk pekerjaan tertentu” (Webster’s New World Dictionary, 1991)

“Pekerjaan atau profesion yang tertentu atau kaitan dengan kursus-kursus pendidikan amali” (Kamus Dewan, 1993)

1.7.4 Pendidikan teknik

“Pendidikan yang memberi pengetahuan teknikal yang berkaitan dengan mata pelajaran Matematik dan Sains yang kukuh” (Finch & Crunkilton, 1965)

“Satu program pendidikan tersusun yang menyediakan pelajar untuk sesuatu pekerjaan yang tidak memerlukan kelulusan ijazah muda” (Finch & Crunkilton, 1965)

1.8 LIMITASI KAJIAN

Sepanjang menjalankan penyelidikan ini terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh penyelidik untuk menyelesaikan kajian ini antaranya kajian hanya melibatkan pelajar Diploma Akauntansi Politeknik Seberang Perai sahaja yang akan memberi maklumbalas terhadap soalan soal selidik yang dijalankan. Antara limitasi yang dihadapi semasa soal selidik dijalankan ialah:

1.8.1 Masa

Penyelidik mempunyai masalah kekangan masa semasa mengedarkan borang soal selidik kepada responden kerana ia bercanggah dengan masa pembelajaran dan pengajaran.

1.8.2 Kos

Penyelidik mempunyai masalah kekurangan perbelanjaan kerana kajian ini memerlukan perbelanjaan yang agak tinggi contohnya kos percetakan.

1.8.3 Skop Responden

Skop responden agak terhad kerana kajian ini hanya melibatkan pelajar Diploma Akauntansi PSP sahaja.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Sorotan kajian dilakukan untuk meninjau aplikasi-aplikasi yang berkaitan dengan perspektif teori dan konsep yang ingin dikaji. Bab ini mengandungi sorotan kajian di mana ianya mengandungi huraian ataupun perkara-perkara yang menyokong faktor-faktor yang ingin dikaji. Sumber sorotan kajian diperolehi daripada artikel, majalah, buku, internet dan lain-lain lagi. Sorotan kajian ini dilakukan bagi menguatkan lagi bukti ke atas teori.

Di samping itu juga, sorotan ini dilakukan bagi mengukuhkan lagi objektif kajian iaitu mengkaji pengetahuan pelajar Diploma Akauntansi Politeknik Seberang Perai tentang Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) dari segi peranan Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET), kelebihan Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional dan perkembangan Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET).

MENGAJI PENGETAHUAN PELAJAR DIPLOMA AKAUNTANSI (DAT) POLITEKNIK SEBERANG PERAI TENTANG TVET

2.2 PERANAN PENDIDIKAN LATIHAN TEKNIK DAN VOKASIONAL (TVET)

TVET memainkan peranan penting kepada negara. Menurut Berita Harian 2015, Bidang Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) berpotensi menjadi jalan penyelesaian terbaik merapatkan jurang kemahiran dalam bidang ekonomi pada abad ke-21 yang masih berlaku di rantau Asia Pasifik. Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata Malaysia yakin TVET adalah strategi berkesan mengatasi perbezaan dalam pertumbuhan pendapatan antara golongan kaya dan miskin.

Sehubungan dengan itu, Datuk Seri Idris Jusoh berkata lagi, selaras *trend* semasa penawaran dan permintaan dalam bidang teknikal berkenaan, strategi inovatif untuk pembangunan kemahiran perlu digubal bersama dalam kalangan negara rantau itu untuk memastikan ia berfungsi meningkatkan ekonomi generasi masa depan (BERITA HARIAN 2015). Isu ini menunjukkan tentang peranan TVET kepada negara dan telah membuktikan bahawa TVET merapatkan jurang ekonomi di Malaysia.

Selain itu, peranan TVET kepada graduan selepas menamatkan pelajaran juga merupakan aspek yang sangat dititikberatkan. Berdasarkan Berita Harian 2015, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, PPPM (PT), dirangka selaras aspirasi Kementerian Pendidikan untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi terbaik bagi membolehkan negara bersaing dalam ekonomi dunia. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaannya, perubahan besar turut melibatkan peranan kementerian yang antara lain bertujuan mewujudkan sistem pendidikan tinggi

yang berupaya melahirkan graduan berciri keusahawanan yang mencipta pekerjaan, bukan sekadar makan gaji.

Pembangunan sistem baharu ini, tidak tertumpu kepada laluan akademik biasa, sebaliknya menekankan laluan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memperkasakan kebolehpasaran graduan menerusi peningkatan kemahiran mengikut permintaan industri (BERITA HARIAN 2015).

Majlis Belia Malaysia (MBM) menegaskan bahawa Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional merupakan faktor penting bagi membantu golongan belia berdepan isu dan cabaran untuk menceburi bidang kotor, bahaya dan bersaing dengan pekerja asing. Naib Presiden MBM Jufitri Joha berkata, ini kerana di bawah Rancangan Malaysia ke-11, sebanyak 60 peratus daripada 1.5 juta pekerjaan yang akan diwujudkan memerlukan kelayakan berkaitan TVET (SINAR HARIAN 2016). Isu ini telah membuktikan bahawa peranan TVET kepada graduan ataupun pelajar TVET sangat penting untuk memastikan kebolehpasaran graduan selepas tamat belajar.

Disamping itu, TVET menyediakan keseimbangan di antara kemahiran umum dan khusus, latihan teori dan amali, tumpuan kepada industri, skim latihan untuk pelajar dan pengajian sepanjang hayat.

2.3 KELEBIHAN PENDIDIKAN LATIHAN TEKNIK DAN VOKASIONAL (TVET)

Terlalu banyak kelebihan TVET yang telah berada di muka depan akhbar-akhbar di Malaysia. Menurut Bernama 2015, sebanyak 1.5 juta pekerjaan baharu akan diwujudkan melalui Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), 60 peratus daripadanya

memerlukan kelayakan berkaitan Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Menurut rancangan pembangunan negara bagi tempoh 2016-2020 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Dewan Rakyat hari ini, TVET akan menjadi platform penting bagi meningkatkan tenaga kerja mahir dalam hasrat menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020 (BERNAMA 2015). Berdasarkan isu ini, ternyata bahawa antara kelebihan yang diperoleh daripada TVET sangat penting untuk para pelajar mempunyai kemahiran TVET.

Selain itu, Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata RMK11 telah menyediakan pelbagai inisiatif yang merangkumi seluruh ekosistem teknikal dan vokasional, daripada inisiatif melibatkan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) hingga ke alam pekerjaan serta keusahawanan melibatkan bidang berkenaan. Katanya, inisiatif seperti peruntukan RM1 bilion kepada Tabung Pembangunan Kemahiran dan peluang latihan TVET untuk kanak-kanak berumur 13 hingga 18 tahun yang tinggal di institusi kebajikan memainkan peranan penting dalam menyediakan tenaga mahir untuk negara pada masa depan (BERNAMA 2015). Isu ini menunjukkan bahawa antara kelebihan TVET adalah menyediakan tenaga mahir di Malaysia.

Seterusnya, kelebihan TVET adalah untuk graduan itu sendiri. Menurut Bernama 2014, Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) perlu diarus perdanakan dan bukan lagi sebagai aliran alternatif melahirkan modal insan semi-profesional dalam bidang diperlukan negara. Wakil Umno Terengganu Wan Abdul Hakim Wan Mokhtar yang membahaskan usul agama dan pendidikan pada Perhimpunan Agung Umno 2014 berkata ini kerana graduan TVET mendapat tawaran gaji yang lumayan jika dibandingkan dengan graduan universiti (BERNAMA 2014). Isu ini menunjukkan bahawa graduan TVET akan memperoleh gaji yang lumayan juga merupakan antara kelebihan TVET kepada graduan.

Di samping itu, antara kelebihan TVET untuk graduan adalah, menurut Sinar Harian 2016, Ketua Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar berkata sehingga kini, politeknik sudah mempunyai sebanyak 98,000 pelajar di seluruh Malaysia dan dijangka mencapai 100,000 pelajar menjelang tahun 2020 bagi memenuhi kehendak industri. Dalam pada itu, beliau berkata lagi, kira-kira 80 peratus pelajar lulusan politeknik pada tahun lalu berjaya mendapat pekerjaan dalam bidang masing-masing selepas enam bulan menamatkan pengajian. Ini membuktikan lulusan politeknik memenuhi kehendak pasaran kerja malah ada di antara mereka menjadi usahawan dan menyambung pelajaran ke institusi pengajian yang lain (SINAR HARIAN 2016).

Bukan itu sahaja, kelebihan TVET juga membantu ekonomi negara. Menurut Bernama 2014, peranan pendidikan teknikal dan vokasional serta latihan (TVET) menjadi semakin penting dalam menyediakan tenaga kerja mahir untuk membolehkan negara membuat lonjakan dalam pertumbuhan ekonomi, kata Timbalan Menteri Pendidikan dan Pengajian Tinggi P.Kamalanathan (BERNAMA 2014). Isu ini membuktikan bahawa TVET sangat penting untuk membuat lonjakan ekonomi negara.

TVET juga membolehkan graduan terus bersaing dalam pasaran pekerjaan di negara ini. Lebih-lebih lagi ketika ekonomi Malaysia yang mengalami tranformasi daripada bidang pertanian dan berasaskan pengeluaran kepada ekonomi pelbagai sektor. Selain itu, TVET mampu mengurangkan kadar keciciran pelajar kerana mampu menampung bilangan pelajar yang semakin meningkat jumlahnya.

2.4 PERKEMBANGAN PENDIDIKAN LATIHAN TEKNIK DAN VOKASIONAL (TVET) DI MALAYSIA

Selain Malaysia, terdapat negara-negara lain yang melaksanakan sistem TVET. Sebagai contoh, pada tahun 2015, Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) berkongsi kepakaran Korea Selatan bagi memperkasakan lagi TVET. Naib Canselor UNIMAP, Prof. Emeritus Datuk Dr. Kamarudin Hussin berkata, pendekatan berkenaan diambil setelah sistem TVET yang dilaksanakan di Korea Selatan itu terbukti cemerlang di peringkat antarabangsa. Beliau berkata lagi bahawa Korea merupakan negara terawal mempraktikkan TVET (UTUSAN 2015).

Seterusnya, Pengarah Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan, Shazali Ahmad menekankan kepada pelajar-pelajar orang kurang upaya (OKU) untuk berdikari ketika dewasa kelak. Beliau berkata kokurikulum pendidikan khas diwujudkan dengan memasukkan kursus kemahiran dan teknikal bagi membentuk Murid Berkeperluan Khas (MBK) yang berdaya saing dan berinovasi (UTUSAN 2016).

Sebelum Akta Pendidikan 1995 berkuatkuasa, pelaksanaan pendidikan teknikal dan pendidikan vokasional yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia telah dipisahkan pada peringkat menengah atas iaitu pada Tingkatan 4 dan 5 kerana tujuan pendidikan teknikal dan vokasional bagi Kementerian Pelajaran Malaysia berbeza.

Antara tujuan pendidikan teknikal ialah untuk memberi pendidikan am akademik yang sekata, memberi pendidikan asas dalam bidang sains dan teknologi kepada pelajar yang meminati bidang tersebut, mengekalkan minat pelajar dalam bidang teknikal dan memberi peluang kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian di IPT mengikut bidang berkaitan.

Antara tujuan pendidikan vokasional adalah memastikan tenaga manusia yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan asas bagi memenuhi keperluan pekerjaan di dalam sektor industri dan perdagangan dan memberi pengetahuan dan kemahiran asas serta peluang kepada pelajar melanjutkan pengajian dalam bidang teknikal atau vokasional.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan pendidikan teknikal dan vokasional di Sekolah Menengah Teknik dan juga Sekolah Menengah Vokasional (SMV). Perkataan vokasional telah digugurkan apabila Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) menggantikan Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV). Sekolah Menengah Vokasional juga telah dinaiktaraf menjadi Sekolah Menengah Teknik akan tetapi aliran vokasional dan latihan kemahiran tetap diteruskan serta sistem pendidikan vokasional diteruskan. Pelajar aliran vokasional menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysian Vokasional (SPMV) manakala pelajar aliran kemahiran dinilai melalui sistem Pentaullahan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK).

Antara tujuan latihan kemahiran adalah memberi peluang kepada pelajar yang kurang berkemampuan dalam bidang akademik agar dapat melanjutkan pengajian dalam bidang kemahiran yang sesuai, dapat menimba ilmu mengenai kemahiran yang sesuai dengan alam pekerjaan yang diminati oleh pelajar dan dapat mengurangkan tahap keciciran dalam kalangan pelajar dan juga mengurangkan pengangguran.

Ahmad (2003) telah mendapati bahawa sistem teknik dan vokasional di Malaysia dan sistem latihan (TVET) semakin berkembang ke arah pendidikan tinggi, teknik, vokasional dan juga kemahiran. Rashid dan Nasir (2003) juga menjelaskan berkenaan dengan TVET yang membahagikan sistem pendidikan teknik dan vokasional kepada tertier atau Pendidikan Tinggi di universiti dan institusi pengajian tinggi, pendidikan teknik dan vokasional yang dilakukan di bawah Kementerian Pendidikan, dan Pasca-Sekunder TVET termasuk latihan kemahiran yang dijalankan

di sekolah menengah vokasional dan dipantau oleh orang awam dan lembaga latihan kemahiran dari pihak swasta.

2.5 KESIMPULAN

Kesimpulannya, para pengkaji mendapati bahawa terdapat pelbagai peranan TVET di Malaysia. Namun begitu, pelajar masih belum mengetahui tentang TVET yang telah banyak memainkan peranan di Malaysia. Di samping itu, para pengkaji berpendapat bahawa TVET mempunyai banyak kelebihan kepada graduan dan juga negara. Berdasarkan sumber pada akhbar, TVET telah pun menyumbang kepada ekonomi negara. Justeru itu, pihak kerajaan sendiri telah membuat rancangan untuk memantapkan lagi TVET di Malaysia. Namun begitu, kelebihan-kelebihan TVET ini tidak lagi diketahui oleh para pelajar walaupun ia telah banyak memasuki akhbar. Selain itu, para penyelidik juga berpendapat bahawa TVET telah berkembang pesat. Pihak kerajaan juga telah mengambil pelbagai inisiatif untuk memantapkan lagi perkembangan TVET di Malaysia. Namun demikian, kami berpendapat bahawa pelajar tidak lagi mengetahui tentang ini dan kajian terhadap isu TVET perlu dilakukan.